



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KHUTBAH KHAS GERHANA MATAHARI**

**TAJUK : “GERHANA: BUKTI KEKUASAAN ILAHI”**

**9 MAC 2016M / 29 JUMADA AL-ULA 1437H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ  
وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾

(Fussilat : 37)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ. وَمَنْ  
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

## MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah ﷻ dengan ketaqwaan yang sebenar, iaitu melakukan segala perintah Allah ﷻ dan menjauhi segala larangan-Nya. Peliharalah diri daripada melakukan perkara-perkara yang dikhuatiri boleh merosakkan akidah dan ibadah kita. Kehidupan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Allah ﷻ serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan mereka yang memperolehi keredhaan Allah ﷻ, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah ﷻ di dalam surah Ali 'Imran petikan ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

**Maksudnya :** “Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada agama Allah, dan janganlah berpecah belah”.

## MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIMULIAKAN,

Allah ﷻ telah mengatur kejadian alam ini dengan sebaik-baik aturan dan setiap sesuatu yang berlaku adalah bukti kebesaran dan kekuasaan-Nya. Fenomena gerhana yang berlaku tadi jelas membuktikan kepada kita bahawa ia adalah suatu perubahan, kejadian, keagungan, kebesaran dan kekuasaan Allah ﷻ yang berlaku kepada bulan atau matahari. Peluang

untuk kita melihat fenomena ini, bukan sentiasa ada, sebaliknya melalui kekuasaan Ilahi, ia diatur begitu cantik untuk menjadi tatapan seluruh manusia di muka bumi ini.

Peredaran bulan dan matahari secara teratur setiap hari dengan berganti-ganti adalah di atas kudrat dan iradat Allah ﷻ. Ia mempunyai hikmah dan tujuan tersendiri, antaranya membolehkan manusia mencari rezeki pada siang hari apabila matahari memancarkan sinarnya, dan berehat ketika malam hari apabila bulan mula menunjukkan cahayanya. Peraturan ini memberi peluang kepada manusia menggunakannya sebagai penetapan taqvim Hijrah dan kalendar Masehi sebagaimana firman Allah ﷻ dalam surah al-Isra' ayat 12:

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتَيْنِ ۖ فَمَحْوَنَآ آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّتَبْتَغُوا فَضْلًا  
مِّن رَّبِّكُمْ ۚ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

**Yang bermaksud:** *“Dan Kami jadikan malam dan siang sebagai dua tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang benderang, supaya kamu mudah mencari rezeki daripada limpahan kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu lakukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah terangkan satu persatu (di dalam al-Quran) dengan sejelas-jelasnya.”*

## MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Gerhana matahari adalah fenomena semula jadi. Ia sebahagian daripada fitrah alam yang cukup mengagumkan. Pada zaman dahulu, malah kemungkinan besar masih wujud lagi pada masa sekarang, ada yang menganggap fenomena gerhana ini sebagai satu 'kuasa ajaib' yang memberi petanda tidak baik kepada mereka. Anggapan ini jelas bertentangan dengan pegangan akidah Islamiyah. Gerhana bukanlah tanda berlakunya sesuatu kejadian yang aneh tetapi ia memperlihatkan pada mata kasar manusia bukti kekuasaan Allah ﷻ yang tidak mampu dihalang dengan apa jua kekuatan pun di dunia ini.

Umat Islam wajib mengakui akan kebesaran Allah ﷻ ini. Tidak melampaui batas dalam berprasangka, malah sewajarnya sentiasa bermuhasabah kerana aturan Allah ﷻ ke atas langit dan bumi mempunyai hikmah yang tersendiri. Fenomena ini bukanlah suatu kejadian yang aneh dan baharu. Menurut sejarah hidup Rasulullah ﷺ, gerhana pernah berlaku semasa hayat Baginda ﷺ, malah ketika anakandanya Ibrahim wafat, Rasulullah ﷺ telah menegur para sahabat yang mengaitkan kejadian gerhana matahari yang berlaku ketika itu dengan hari kewafatan anakandanya.

Rasulullah ﷺ bersabda, maksudnya:

***“Bahawasanya matahari dan bulan itu menjadi tanda kedua-duanya daripada tanda kekuasaan Allah ﷻ. Allah menakut-nakutkan hamba-Nya dengan perubahan matahari dan bulan. Dan bahawasanya***

***matahari dan bulan itu kedua-duanya tidak akan berlaku gerhana disebabkan kematian seseorang. Maka apabila kamu melihat berlakunya gerhana (matahari atau bulan), maka solatlah kamu dan berdoalah kepada Allah sehingga cahaya matahari atau bulan tersingkap semula bagi kamu”***

(Hadis riwayat Bukhari).

### **MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,**

Islam menggesa umatnya berterusan memuji kebesaran dan kekuasaan Ilahi. Rasulullah ﷺ sendiri menganjurkan kita segera melakukan perkara-perkara kebajikan apabila berlaku fenomena gerhana seperti solat sunat gerhana, berzikir, beristighfar, berdoa dan bersedekah.

Saidatina Aisyah رضي الله عنها berkata dalam hadis yang bermaksud:

***Dan sesungguhnya telah jelas cahaya matahari, maka Rasulullah ﷺ berkhotbah di hadapan orang ramai sambil memuji Allah ﷻ dan sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua daripada keagungan Allah. Gerhana kedua-duanya berlaku bukan disebabkan mati atau hidup seseorang. Apabila kamu melihat terjadinya gerhana matahari atau bulan, maka hendaklah kamu mendirikan solat sunat gerhana, bersedekah dan memperbanyakkan mengingati Allah. Sabda Nabi ﷺ “Wahai umat Muhammad, jika kamu tahu apa yang aku tahu, nescaya kamu akan kurang ketawa dan banyak menangis.”***

(Hadis riwayat an-Nasaii).

Hindarilah kemaksiatan dan kemungkaran yang membawa kepada perbuatan syirik. Kita seringkali melakukan kesilapan yang mampu mengundang kemurkaan Allah ﷻ. Lalai melaksanakan perintah-Nya, leka dengan kemaksiatan dan kemungkaran dalam kehidupan kita sehari-hari. Marilah kita menginsafi diri agar segera bertaubat menyesali segala perbuatan mungkar yang telah kita lakukan. Moga apa yang berlaku ini akan menimbulkan keinsafan, menambah serta menguatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah ﷻ.

### **MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,**

Ilmu sains telah membuktikan fenomena ini adalah sesuatu yang meneguhkan keyakinan serta kekuasaan Ilahi. Gerhana itu kita ambil hikmahnya, bukan mempersoalkan kenapa dan mengapa berlaku kejadian tersebut. Sebagai umat Islam yang beriman, kita tahu bahawa setiap yang berlaku itu adalah kehendak Allah ﷻ dan tiada siapa yang mampu menahannya. Kesimpulannya, fenomena gerhana yang berlaku pada hari ini menjelaskan bahawa:

**Pertama** : Allah ﷻ berkuasa mengatur peredaran matahari dan bulan mengikut kehendak-Nya.

**Kedua** : Kejadian yang berlaku ini adalah untuk memperlihatkan bukti kebesaran Allah ﷻ dan mempunyai hikmah tersendiri.

**Ketiga** : Umat Islam dilarang mengaitkan kejadian ini dengan kepercayaan yang salah kerana akan menyebabkan syirik kepada Allah

ﷻ.

**Keempat** : Hendaklah kita sentiasa bertaubat, memohon keampunan dan mempertingkatkan amal kebajikan sepanjang masa.

Menurut Imam al-Khawarizmi, iaitu seorang ahli falak Islam yang masyur menyatakan pendapatnya : “Setiap dua jisim yang berdekatan itu mewujudkan kesan tarik menarik antara satu sama lain, sama ada kuat ataupun lemah tarikan tersebut.” Pasti akan berlaku tarikan yang kuat yang akan mengakibatkan berlakunya perubahan pada bumi serta memberi kesan kepada cuaca dan musim. Justeru, marilah kita berdoa, moga gerhana yang berlaku ini tidak mengakibatkan perubahan angin yang membawa kesan kepada cuaca dan musim, tumbuh-tumbuhan, tanam-tanaman dan hidupan lain di dunia ini.

Mengakhiri khutbah, marilah sama-sama kita fahami ayat 190-191, surah Ali-‘Imran:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾ الَّذِينَ

يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا

خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan hikmah Allah) bagi orang-orang yang beraqal; iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka baring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan semua ini sia-sia, Maha Suci Allah, peliharalah kami daripada azab neraka.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ  
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.